

21 APR 1998

STANCHART AKAN MAIN PERANAN PENTING DLM PEMBIAYAAN EKSPORT M'SIA

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Standard & Chartered Bank menyatakan ia boleh memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan bagi kegiatan eksport Malaysia, yang boleh meletakkan negara ini di atas landasan pemulihan ekonomi, kata ketua eksekutif kumpulannya, Malcolm Williamson.

Bercakap kepada para pemberita selepas pertemuan antara Lembaga Pengarah Stanchart (BOD) dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, beliau berkata, "Kami bercadang untuk menolong dalam memberi galakan eksport yang boleh membantu (Malaysia) pulih semula."

Sebagai sebuah bank antarabangsa yang beroperasi di seluruh dunia terutama di Asia, beliau berkata Stanchart mempunyai "kelebihan istimewa" apabila ia membabitkan pembiayaan perdagangan.

Walaupun bank itu berharap untuk mengembangkan operasinya di Malaysia di tengah-tengah kelembapan ekonomi ketika ini, semakan keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara bagi 1998 dijangka menjejaskan beberapa bahagian perniagaannya.

KDNK Malaysia telah disemak kepada 2.0 hingga 3.0 peratus tahun ini daripada 4.0 hingga 5.0 peratus sebelumnya.

Williamson berkata sebagai contohnya, perniagaan runcit dijangka tidak berkembang pesat seperti sebelum ini, kerana orang ramai menjadi lebih berhati-hati dalam perbelanjaan mereka.

Pengerusi Standard Chartered PLC, Patrick J. Gillam berkata operasi perbankannya di Malaysia tidak dijangka berdepan dengan masalah akibat daripada krisis kewangan dan ekonomi di Asia.

Menurutnya, Standchart sangat berhemat dalam menjalankan operasi bank sambil menambah: "Kami sentiasa mempunyai polisi tidak memberi pinjaman kepada pembangunan hartanah komersial.

"Saya rasa kelemahan yang berlaku di seluruh rantau ini adalah hartanah komersial yang pembinaannya telah melebihi had.

"Kami tidak merasakan akan berdepan dengan masalah perbankan yang besar berkaitan dengan perkara itu kerana kami tidak terbabit," tambah Gillam.

Ketika pertemuan dengan Dr Mahathir, beliau berkata beberapa isu telah dibincangkan termasuk kedudukan Standard Chartered Bank di negara ini, keadaan ekonomi, kadar pemulihan ekonomi Malaysia, masalah ekonomi dan penyelesaian untuk menangani masalah itu.

Gillam berkata lawatan lembaga pengarah Standchart ke negara ini adalah satu amalan biasa kerana sudah menjadi kelaziman bagi mereka melawat ke tempat-tempat yang penting kepada kumpulan itu.

Enam puluh lima peratus daripada semua perniagaan bank itu adalah di Asia dan Malaysia adalah negara ketiga paling penting di rantau ini, katanya.

Bank yang berada di bawah penguasaan syarikat Britain itu adalah bank asing pertama di Malaysia yang memulakan operasi pada 1875.

Ketika ini, bank yang diperbadankan di negara ini itu mengendalikan 35 cawangan di seluruh Malaysia dan sebuah di luar pesisir di Labuan.

"Kami adalah pelabur yang kukuh di sini dan menjangkakan keadaan ini akan berterusan," kata Gillam. -- BERNAMA

AD ZK OS